

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 23

Perniagaan Wong memulakan perniagaannya pada 1 Januari 2016 dengan aset dan liabiliti seperti berikut:

	RM
Tunai di tangan	5,000
Tunai di bank	20,000
Perabot	4,000
Akaun belum bayar	3,500

Berikut adalah urus niaga sepanjang bulan Januari 2016:

Jan 3	Belian secara tunai berjumlah RM2,000 dan membayarnya dengan cek.
7	Membayar sewa sebanyak RM250 secara tunai.
10	Menjual barang niaga pada harga RM1,500 kepada Ranjit secara tunai. Kos baran dijual ialah RM1,050.
15	Membayar bil elektrik dan air secara tunai berjumlah RM50..
18	Jual barang niaga secara kredit dengan harga RM500. Kos barang dijual ialah RM320.
22	Membayar gaji sebanyak RM500 dengan cek.

Dikehendaki:

- (a) Merekod kesan urus niaga di atas di jadual persamaan perakaunan yang disediakan di bawah.

ASET						LIABILITI	EKUITI PEMILIK	
Urus niaga	Perabot	Akaun belum terima	Inventori	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal	Untung Bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Jan 1								
3								
7								
10								
15								
18								
22								
Baki akhir								

- (b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Januari 2016. Gunakan format "T"